

# Simbol kerjasama antara negara

SEJAK wujudnya konsep negara bangsa, hubungan manusia dipisahkan oleh garis sempadan sama ada laut, sungai, tasik, hutan atau tembok sempadan.

Kewujudan sempadan pemisah itu membataskan mobiliti manusia bergerak bebas dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain.

Bagaimanapun, hubungan antara negara tetap wujud terutamanya dalam bentuk hubungan diplomasi dua hala seperti perdagangan, keselamatan dan sosial budaya.

**Bagaimanapun, Pensyarah**

**Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad** berpendapat, hubungan diplomasi tidak mencukupi antara negara berjiran.

Ujarnya, hubungan kedua-dua buah negara perlu ditingkatkan menerusi jalinan mesra masyarakat melalui pembinaan kemudahan mobiliti sosial.



ZAID

“Bagi negara yang terpisah oleh keadaan semula jadi seperti selat dan sungai, jambatan adalah simbol kepada keutuhan kerjasama antara kerajaan.

“Pembinaan jambatan juga menunjukkan kesediaan masyarakat di kedua-dua buah negara berinteraksi dengan lebih dekat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Zaid, proses pembinaan jambatan yang menghubungkan dua buah negara bukanlah sesuatu yang mudah.

Jelasnya, kedua-dua buah negara perlu bersetuju untuk membina jambatan dan sanggup berkongsi kos pembinaannya.

“Proses pembinaan jambatan menghubungkan antara negara bukanlah mudah. Setiap negara terlibat perlu berdialog bagi membincangkan pelbagai perkara berbangkit.

“Misalnya, pembinaan jambatan bengkok bagi menghubungkan Malaysia dan Singapura yang masih gagal dimuktamadkan meskipun telah dicadangkan sejak tahun 1996,” katanya.